


<p>HELAIAN MAKLUMAT PRODUK (English Version)</p> <p>Sila baca Kertas Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang tertera dalam Surat Tawaran sebelum anda menetapkan untuk mengambil Pinjaman Hong Leong SME GROW. Jika anda memerlukan penjelasan silalah berhubung dengan Bank.</p>	 <p>HongLeong Bank</p> <p>Pinjaman Hong Leong SME GROW Tarikh: 11-Oktober-2023</p>
--	--

1. Apakah produk ini?

Produk ini adalah kemudahan pembiayaan bertempoh tanpa cagaran untuk membantu anda memenuhi keperluan modal kerja anda. Pengiraannya berdasarkan kadar berubah-ubah.

2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

Kemudahan 1 – Pinjaman Bertempoh 1

Butiran	Perihal				
Amaun Pinjaman	RM20,000 - RM200,000.00				
Tempoh Bayaran Balik	36 - 60 bulan				
Kadar Ditetapkan/ Kadar Pinjaman Efektif	<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">Kadar Ditetapkan</td> <td style="width: 50%;">Kadar Pinjaman Efektif</td> </tr> <tr> <td>BLR + (2.75%p.a. - 3.25%p.a.)</td> <td>9.64%p.a. – 10.14% p.a.</td> </tr> </table>	Kadar Ditetapkan	Kadar Pinjaman Efektif	BLR + (2.75%p.a. - 3.25%p.a.)	9.64%p.a. – 10.14% p.a.
	Kadar Ditetapkan	Kadar Pinjaman Efektif			
BLR + (2.75%p.a. - 3.25%p.a.)	9.64%p.a. – 10.14% p.a.				

Kadar pinjaman asas (BLR) semasa ini adalah 6.89% setahun

3. Apakah obligasi saya?

Penting: Amaun bayaran balik bulanan (ansuran) dan jumlah amaun bayaran balik akan berubah mengikut perubahan BLR. Di bawah adalah contoh untuk jumlah kemudahan RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik 60 bulan dan kadar BLR + 2.75% setahun yang ditetapkan

Kadar	Hari ini BLR	Jika BLR naik 1%	Jika BLR naik 2%
Kemudahan – Pinjaman Bertempoh	Semua nilai bayaran balik dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)		
Amaun bayaran balik bulanan	MYR 2,107.00	MYR 2,156.00	MYR 2,206.00
Jumlah kos faedah pada akhir 60 bulan	MYR 26,422.06	MYR 29,379.91	MYR 32,377.74
Jumlah amaun bayaran balik pada akhir 60 bulan	MYR 126,422.06	MYR 129,379.91	MYR 132,377.74

Bank akan mengubah amaun bayaran balik bulanan anda jika:

- amaunnya tidak mencukupi untuk menampung faedah pinjaman; atau
- jika amaun bayaran balik pokok bulanan adalah kurang daripada 10% amaun bayaran balik bulanan anda,
- atau apabila Bank atau anda perlu meminda bayaran balik bulanan anda.

4. Berapakah fi dan caj yang saya kena bayar?

- Duti Setem

Mengikut Akta Setem 1949, dan akan didebit daripada amaun pinjaman sebelum Kemudahan Pembiayaan itu dilepaskan

Perhatian:

Semua fi dan caj termasuk duti setem, fi / kos guaman (jika berkenaan) dan /atau fi pendaftaran (jika berkenaan) bersabit dengan Pinjaman Hong Leong SME GROW akan dipotong daripada baki Amaun Pinjaman sebelum baki Amaun Pinjaman dibayar kepada anda. Bayaran faedah bulanan berulang (jika berkenaan) akan dipotong daripada akaun semasa HLB yang ditetapkan.

• Fi Pemprosesan

Buat masa ini, semua fi pemprosesan dikecualikan bagi Kemudahan Pinjaman yang diluluskan.

• Fi Jaminan SJPP

Sekiranya Jaminan Portfolio bagi Kemudahan Pembiayaan diluluskan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP"), maka fi jaminan* yang anda kena bayar adalah berdasarkan liabiliti SJPP di bawah nisbah perkongsian risiko** dengan Bank. Fi jaminan dikenakan oleh SJPP pada setiap tahun berdasarkan jumlah pokok belum lunas dan mungkin tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dikenakan oleh SJPP. Fi Jaminan ini akan dimasukkan oleh Bank ke dalam Kadar Ditetapkan Bank, ini bermakna Fi Jaminan dibayar secara ansuran sama setiap bulan.

Penting:

*Yuran Jaminan pendahuluan yang perlu dibayar untuk kemudahan di bawah Skim Jaminan GOSU & GOGGSP yang diuruskan oleh SJPP pada masa ini adalah pada Mata Tujuh Lima peratus (0.75%) setahun pada jumlah tertunggak prinsipal (tertakluk kepada had pembiayaan Kumpulan agregat tidak melebihi RM10.0 juta untuk semua skim jaminan SJPP, termasuk pembiayaan ini) dan pendahuluan yang perlu dibayar untuk Skim Jaminan GOGGSP yang diuruskan oleh SJPP adalah Satu peratus (1.0%) setahun pada jumlah tertunggak prinsipal (tertakluk kepada had agregat pembiayaan Kumpulan melebihi RM10.0 juta dan sehingga RM20.0 juta).

**Di bawah Skim Jaminan, liabiliti SJPP ialah 70% daripada Jumlah Kemudahan.

5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

- Caj bayaran lewat 1% setahun akan dikenakan atas amaun bertunggak, akibatnya jumlah baki belum lunas naik*
- Sekiranya anda gagal membayar dua (2) ansuran terkumpul berturut-turut sepanjang tempoh Pinjaman itu, Bank akan, atas budi bicaranya, meminda Kadar Ditetapkan kepada 8.0% setahun di atas BLR atas baki harian atau apa-apa kadar yang Bank tetapkan atas baki belum lunas.
- Bank boleh tolak selesai apa-apa baki kredit dalam mana-mana akaun yang diselenggara dengan Bank daripada apa-apa baki belum lunas Pinjaman ini.
- Tindakan undang-undang boleh diambil jika anda tidak menghiraukan notis peringatan yang dihantar oleh Bank
- Tindakan undang-undang terhadap anda akan menjejaskan penarafan kredit anda, akibatnya kredit anda akan menjadi lebih rumit atau mahal buat anda.

6. Bagaimana jika saya melangsaikan pinjaman sebelum tarikh matangnya?

Jika penebusan awal dibuat, anda dikehendaki membayar ganti Fi Jaminan dengan penuh kepada Bank kerana Bank telah lebih dahulu bayar Fi itu kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) bagi tahun berkenaan..

7. Perlukah saya mendapat perlindungan insurans?

Mortgage Decreasing Term Assurance (MDTA) / Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) adalah opsyenal.

8. Apakah yang patut saya lakukan jika butiran hubungan saya berubah?

Anda perlu memberitahu Bank akan sebarang perubahan butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat menyurat sampai ke tangan anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini butiran surat menyurat anda, sila hubungi Bank di talian +603-7626 8899 atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

9. Di manakah saya boleh mendapat bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda mengalami kerumitan untuk membayar balik, anda hendaklah menghubungi Bank secepat mungkin untuk membincangkan cara-cara lain bayaran balik. Anda boleh hubungi Pusat Kutipan di :

Credit Control Dept., Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor.

Tel: 03-7959 1888 Email: hlbbsmerecovery@hlbb.hongleong.com.my

- Jika anda berminat mendapat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @CGC, sila telefon 03-78800088. (Waktu operasi: 8.30 pagi – 5.30 ptg. Isnin – Jumaat) emel: myknp@cgc.com.my atau layari bnm.gov.my/MyKNP

- Jika anda ingin memberi maklum balas mengenai produk / perkhidmatan yang disediakan, anda boleh hubungi : Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7626 8899 Fax: 03-7946 8888 E-mail: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Jika kemusykilan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh Bank dengan baik, silalah hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINIK di Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-2174 1515 E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai pinjaman Hong Leong SME GROW, sila rujuk www.hlb.com.my.

11. Pakej pinjaman lain yang disediakan

- Hong Leong Branch Business Shop Loan
- Hong Leong Branch Business Housing Loan

12. Bagaimanakah cara membuat bayaran balik bulanan?

Cara membuat bayaran balik bulanan begitu mudah seperti berikut:

- Arahan potongan tetap daripada akaun semasa Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank
- Perbankan Internet (www.hongleongconnect.my) atau melalui app telefon bimbit atau app tablet
- Malaysian Electronic Payment System (MEPS) atau Interbank GIro (IBG)*

Lain-lain cara bayaran balik:

- Pindahan dari ATM ke dalam akaun pembiayaan anda
- Masukkan ke dalam akaun pembiayaan melalui CDM (Mesin Deposit Tunai)

Penting:

* Bayaran IBG Dalam Talian ialah RM0.10 setiap transaksi.

** Berkuat kuasa 2hb Januari 2015, fi pemprosesan cek RM0.50 dan duti setem RM0.15 akan dikenakan bagi setiap cek yang dikeluarkan. Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

13. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Satu Penjamin atau lebih adalah diperlukan
- Jaminan atas nama Bank oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) di bawah Skim Jaminan Portfolio bagi 70% Amaun Pembiayaan

PERINGATAN: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MENERUSKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SME GROW ANDA.

Maklumat yang terkandung dalam kertas pendedahan ini adalah sahih setakat 11 Oktober, 2023